



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN LIMBANG**

Tingkat 1 – 3, Lot 2002 LTD
Jalan Tarap
98700 LIMBANG, SARAWAK
MALAYSIA

Tel : 085-212355 / 212773 / 211709
Faks : 085-212624
Laman Web: www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.LMBG.600-1/8/1 Jilid 6(7)
Tarikh : 13 Oktober 2023

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Limbang.

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Limbang.

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Lawas.

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Lawas.

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2023 (LEJAR AKRUAN)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.BPOPA.600-2/2/5 Jld.1 (14) bertarikh 11 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan untuk tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2023 (Interim - Lejar Akruan) berakhir 30 September 2023 oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Limbang hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut :

- a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini ;

BIL	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL
1.	DEPOSIT	L11*	N(A) & N(B)	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit di Portal iGFMS.
2.	TERIMAAN TAK DITUNAI	A0311101	B3	Laporan Daftar Cek Tak Laku di Portal iGFMS
3.	AKAUN BELUM TERIMA (ABT)	A0481101	B7 & B7(A)	Laporan Invois Terperinci di Portal iGFMS

- a) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Cawangan Limbang adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya **27 Oktober 2023 (Selasa)**. PTJ hendaklah mengemukakan **3 SET ASAL** bagi setiap lampiran yang berkaitan berserta surat iringan. **Kegagalan PTJ / Pusat Terimaan mematuhi tarikh ini akan menyebabkan kelewatan pejabat ini mengemukakan KKS tersebut kepada Bahagian Akaun, Kementerian masing-masing.**
- b) PTJ adalah diingatkan agar menjana laporan yang berkaitan sebelum atau pada **16 Oktober 2023 (Isnin)**. **Kegagalan PTJ mematuhi tarikh ini akan menyebabkan baki laporan PTJ berbeza.** Ini adalah susulan aktiviti MdM (*Merge de Merger*) yang akan bermula pada 17 Oktober 2023 (Selasa) dan aktiviti ini akan melibatkan tarikh *posting* ke belakang (*backdated*).

3. Setiap Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan iaitu **mengikut PTJ DIPERTANGGUNG dan disahkan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan** tuan/puan. Format Pengesahan Baki ini boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Limbang. Dilampirkan bersama panduan berikut untuk rujukan tuan/puan:

- 3.1 Panduan Penyediaan Pengesahan Baki Oleh PTJ Pembayar Bagi Tujuan Penyediaan Kertas Kerja Sokongan Penutupan Interim Tahun Kewangan 2023 berdasarkan Lejar Akruan.
- 3.2 Tatacara Semakan Penyediaan Pengesahan Baki Oleh PTJ Pembayar dan Pejabat Perakaunan.

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki hendaklah dirujuk kepada Unit yang berkenaan di JANM Cawangan Limbang seperti berikut :

Bil	Perkara	Unit / No Telefon
1	Akaun Deposit , Pengesahan ABT <i>Ongoing Receivables</i> , Terimaan Tak Ditunai (CTL)	Unit Akaun 085-212355 Ext :108 /143

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun 2023 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjajankan amanah,

(MUHAIMIN BIN MOHD MOKHTAR (C.A(M), ACCA(UK))

Pengarah Cawangan,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Limbang.